

SIARAN MEDIA

22 MAC 2024

ALAM FLORA GALAK PENGGUNAAN SEMULA BEKAS MAKANAN

Kuala Lumpur, 22 Mac 2024 – Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), anak syarikat Malakoff Corporation Berhad (“Malakoff”), menggalakkan penggunaan semula bekas makanan yang dibawa sendiri ke bazar Ramadan bagi mengurangkan pembuangan sampah disamping mengelakkan pembelian secara berlebihan yang boleh mengakibatkan pembaziran dan peningkatan jumlah sisa di tapak perlupusan.

Bagi membantu orang ramai menyahut seruan ini, Alam Flora telah mengagihkan sebanyak 1500 bubur lambuk di dalam bekas yang boleh guna semula dan diedarkan kepada orang ramai di Pusat Kitar Semula Pandu Laju (DTRC) Aeon Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora, Encik Adam Saffian Ghazali berkata, ia merupakan usaha kecil Alam Flora sebagai pencetus kepada satu anjakan tabiat membeli-belah yang lebih lestari dan positif terhadap alam sekitar apabila kita kurangkan penggunaan beg plastik secara total.

"Jika secara purata anda menggunakan tiga beg plastik ketika membeli makanan selama sebulan di dalam bulan Ramadan, dan jika anda menggantikannya dengan bekas makanan, anda telah mengurangkan sebanyak 90 beg plastik dan pek polisterin daripada ianya dibuang ke tapak pelupusan. Kalau didarabkan dengan beratus ribu orang... Bayangkan," tegas Adam.

Beliau berkata demikian selepas program Kongsi Rezeki Bubur Lambuk 2024 di Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Hadir sama untuk mengagihkan 1500 bekas bubur lambuk dan 100 beg guna semula ialah YB. Dr. Zaliha Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan).

Sehubungan itu, Adam menasihatkan orang ramai supaya berjimat cermat ketika membeli makanan dan tidak terlalu mengikut nafsu dan juga menyeru agar para peniaga jangan melakukan pembaziran dengan menderma makanan yang tidak habis dijual kepada rumah-rumah kebajikan atau golongan yang lebih memerlukannya.

“Selain itu, Alam Flora turut memberi jaminan kepada orang ramai bahawa khidmat kutipan sampah serta pembersihan akan berjalan seperti biasa semasa perayaan Hari Raya Aidil Fitri yang bakal menjelang nanti,” tambah beliau.

Alam Flora memohon kerjasama orang ramai untuk menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Alam Flora di talian 1-800-88-7472 yang beroperasi setiap hari dari jam 8.00 pagi sehingga 8.00 malam untuk berkongsi maklumat tahap kebersihan di kawasan masing-masing supaya tindakan susulan yang bersesuaian boleh diambil.

Inisiatif ini adalah sebahagian daripada tonggak perniagaan Malakoff, aspirasi Penyelesaian Alam Sekitar Malakoff untuk memberi tumpuan kepada pengurusan alam sekitar dan penyelesaian yang didedikasikan untuk berkhidmat kepada masyarakat dan planet ini. Ia juga selaras dengan Matlamat SDG PBB No. 11 di mana ia bertujuan untuk menjadikan bandar dan penempatan manusia inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan serta menyokong tujuan menyeluruh Malakoff iaitu *‘Enhancing Life, Enriching Communities’*.

MENGENAI ALAM FLORA SDN BHD:

Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), adalah anak syarikat Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), yang ditubuhkan bagi memodenkan pengurusan sisa pepejal di Malaysia serta meningkatkan kecekapan dan mutu pengurusan sisa pepejal daripada peringkat penjanaaan sisa sehingga ke proses pelupusan sampah. Alam Flora merupakan salah sebuah syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negara ini yang bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan di kawasan Tengah dan Pantai Timur Semenanjung, meliputi seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Farizan Hj. Yop |Penolong Pengurus, Komunikasi Korporat dan Penjenamaan

|HP: 019.601.1678 | farizan.yop@malakoff.com.my

Haziqah Anuar |Eksekutif Kanan, Jabatan Komunikasi Korporat dan Penjenamaan

|HP: 012.229.4878 | haziqah.anuar@malakoff.com.my

PRESS RELEASE

22 MARCH 2024

ALAM FLORA ENCOURAGES THE USE OF REUSABLE FOOD CONTAINERS

Kuala Lumpur, 22 MARCH 2024 – Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), a wholly-owned subsidiary of Malakoff Corporation Berhad (“Malakoff”), encourages the utilisation of reusable food containers brought to Ramadan bazaars to reduce waste disposal while avoiding excessive purchases that can lead to wastage and an increase in waste at the landfills.

To assist the public in responding to this call, Alam Flora has distributed 1500 bubur lambuk in reusable containers to the public at its Drive Through Recycling Centre (DTRC) Aeon Wangsa Maju.

Alam Flora's Chief Executive Officer, Encik Adam Saffian Ghazali, said this is a small effort by Alam Flora to initiate a shift towards more sustainable and environmentally friendly shopping habits by minimising the use of plastic bags.

"If, on average, you use three plastic bags when buying food for a month during Ramadan, and if you replace them with food containers, you would have reduced by as many as 90 plastic bags and polystyrene packs from being disposed of. If multiplied by hundreds of thousands of people... Imagine," emphasised Adam.

He made these remarks after the ‘Kongsi Rezeki Bubur Lambuk 2024’ programme in Wangsa Maju. Also, present to distribute the 1500 food containers of bubur lambuk and 100 pieces of reusable bags was YB. Dr. Zaliha Mustafa, Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories).

In this regard, Adam Saffian Ghazali advised the public to be thrifty when buying food and not to follow their desires excessively. He also called on traders not to waste by donating unsold food to charitable organisations or the underprivileged.

"Furthermore, as the Hari Raya Aidil Fitri celebration approaches and individuals immerse themselves in festivities, Alam Flora pledges uninterrupted waste collection and cleaning services to ensure continuity and cleanliness for all.," added Adam Saffian Ghazali.

Alam Flora urges the public to contact the Alam Flora Customer Service Center at 1-800-88-7472, which operates every day from 8.00 am to 8.00 pm, to share information on the cleanliness level in their respective areas so that appropriate follow-up actions can be taken.

This initiative is part of Malakoff's business pillar, Malakoff Environmental Solutions' aspiration to focus on environmental management and solutions that are dedicated to serving communities and the planet. It is also in line with the UN SDG Goal No. 11 where it aims at making cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable and supports Malakoff's overarching purpose of *'Enhancing Life, Enriching Communities'*.

ABOUT ALAM FLORA SDN BHD:

Incorporated in 1995, Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) is one of the leading environmental management companies in Malaysia that is dedicated to serving communities to manage and reduce waste with minimal environmental impact. Alam Flora is a wholly owned subsidiary of Malakoff Corporation Berhad. Being one of the largest concession holders of Malaysia's national solid waste management and public cleansing privatization project, Alam Flora provides comprehensive waste management services to several concession areas in certain regions of Peninsular Malaysia, the Federal Territory of Kuala Lumpur and Putrajaya, and Pahang.

For more information, please contact:

Farizan Hj. Yop |Assistant Manager, Corporate Communications & Branding

|HP: 019.601.1678 | farizan.yop@malakoff.com.my

Haziqah Anuar |Eksekutif Kanan, Corporate Communications & Branding

|HP: 012.229.4878 | haziqah.anuar@malakoff.com.my